

Penguatkuasaan tegas lengkapkan reformasi keterjaminan makanan

- Pengasingan kuasa melalui penggabungan penguat kuasa dan peraturan baharu antara bentuk pendekatan komprehensif bakal mencorakkan sektor padi dan beras negara lebih proaktif dalam pengeluaran makanan

- Pemantauan dan penguatkuasaan berterusan rantai bekalan penting bagi memastikan keyakinan rakyat kepada kerajaan terutama untuk mengatasi ketirisan dan penyelewengan



Oleh Dr Ahmad Zubir Ibrahim
bhrencana@bh.com.my

Profesor Madya Pusat
Pengajian Kerajaan,
Universiti Utara Malaysia
(UUM)

Ekosistem makanan di dalam negara didapati rapuh apabila berhadapan insiden di luar jangka seperti perubahan iklim, ketidakstabilan pasaran dunia serta ketidakimbangan penanaman dan perolehan.

Industri makanan negara dijangka berhadapan cabaran besar dan berterusan dalam memastikan bekalan mencukupi bagi menampung keperluan penduduk semakin meningkat, di samping perlu memastikan harga makanan malar atau stabil. Bagi menangani masalah itu, usaha kerajaan dalam memastikan

keterjaminan bekalan makanan di bawah gagasan MADANI

menampakkan kesungguhan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Bermula gelombang padi menekankan aspek bekalan input dan rantai makanan ruji negara, kini giliran sektor sekuriti makanan negara bagi memastikan keselamatan dan kelangsungan agar lebih berdaya saing melalui reformasi industri beras dan negara.

Pengasingan kuasa melalui penggabungan penguat kuasa dan peraturan baharu antara bentuk pendekatan lebih komprehensif bakal mencorakkan sektor padi dan beras negara agar lebih proaktif dalam pengeluaran makanan.

Pengasingan kuasa tiga entiti utama meterai industri padi dan beras negara, iaitu Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan PadiBeras Nasional (BERNAS) diilham langkah tepat bagi memantapkan tatakelola.

Punca kuasa diperuntukkan melalui pertubuhan akan menjelaskan lagi peranan entiti ini tanpa membabitkan pertindihan kuasa.

Pengasingan kuasa entiti ini juga perlu memperkemas lagi tatakelola sedia ada dan diberi nafas baharu agar tindakan serta strategi lebih kondusif dapat dirangka selaras bidang kuasa terbahagi.

Pada masa sama, penggabungan semua penguat kuasa daripada tujuh agensi bawah KPKM, iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan (DOF), Lembaga Pemastautan Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bakal menjadikan sektor pengeluaran makanan lebih dinamik.

Penggabungan ini sudah pasti akan menentukan hala tuju lebih jelas dan dinamik dalam memantapkan industri makanan negara.

Penguatkuasaan lebih utuh dapat dilakukan lebih berkesan, secara tidak langsung penguatkuasaan

dapat dilaksanakan lebih optimum bagi memastikan isu ketirisan dan penyeludupan dapat dibendung.

Penggabungan agensi perlu seiring dengan punca kuasa membenarkan agensi terbahagi mengambil tindakan perundangan terhadap mana-mana pihak terbahagi dalam aktiviti penyelewengan dan penyeludupan.

Agensi ini perlu diberi peranan dan kuasa lebih menyeluruh melalui akta diperuntukkan untuk memastikan keberkesanan penstrukturan semula agensi ini.

Pada masa sama, reformasi dirancang ini perlu membabitkan penguatkuasaan dan undang-undang di sepanjang rantai pengeluaran makanan.

Isu penyeludupan dan ketirisan perlu diberi penekanan selaras agenda reformasi diperjuangkan. Pemantauan dan penguatkuasaan berterusan adalah penting bagi memastikan keyakinan rakyat kepada kerajaan terutama untuk mengatasi ketirisan dan penyelewengan.

“Reformasi industri beras dan negara, juga perlu memberi perhatian kawasan luar jelapang dalam menyediakan skim pengairan lebih sempurna dan terancang”

Gangguan jela rantai makanan negara

Hukuman lebih tegas perlu dikenakan kepada pelaku mengambil kesempatan di sepanjang rantai pengeluaran makanan yang akhirnya mengganggu pergerakan sistem rantai pengeluaran makanan.

Gangguan dalam sistem rantai bekalan makanan semakin hari semakin menebal malah turut membuka peluang kepada pihak tidak sepatutnya.

Putaran ini mengakibatkan herotan berlaku di sepanjang rantai bekalan makanan. Kesannya, peningkatan kos dan mengurangkan kuasa beli pengguna, terutama golongan berpendapatan rendah.

Pengenalan peraturan melarang campuran beras putih tempatan dengan import antara inisiatif dan agenda reformasi harus dipuji.

Ini wajar diberi perhatian bagi melindungi industri beras negara dan pengguna. Bagi mengawal harga beras tempatan terjamin dan tidak dimani-

pulasi mana-mana pihak adalah, wajar tindakan hukuman setimpal perlu dikenakan terhadap mana-mana pihak mencampur beras putih tempatan dengan beras import.

Pemantauan berterusan termasuk pusing ganti kerja lebih kerap dalam kalangan agensi terbahagi diperlukan bagi meletakkan sektor ini.

Reformasi ini perlu mencakupi sektor lain seperti sayur-sayuran mahupun ternakan. Kebergantungan kepada buruh asing dalam tanaman sayur-sayuran akhirnya mengakibatkan penceroohan tanah secara haram dengan sewenangnya termasuk tanah milik kerajaan.

Golongan ini turut menguasai rantai bekalan, termasuk logistik atau pengangkutan. Perkara ini harus diberi perhatian dalam mereformasi industri makanan.

Selaras dengan penggabungan agensi penguatkuasaan di bawah KPKM, penceroohan ini diharap dapat diatasi dengan lebih berkesan termasuk hukuman lebih setimpal selaras dengan peruntukan akta dikubal.

Reformasi industri beras dan negara, juga perlu memberi perhatian kawasan luar jelapang dalam menyediakan skim pengairan lebih sempurna dan terancang.

Kebergantungan kepada skim pengairan kecil dan kawasan luar skim pengairan menghadkan pengeluaran padi di kawasan ini, sekali gus memberi kesan kepada kesejahteraan pesawah.

Oleh itu, reformasi ini perlu memberi perhatian kepada usaha meningkatkan nilai tambah petani terutama di luar jelapang.

Latihan dan kemahiran berterusan akan membuka minda petani agar tidak bergantung kepada satu sumber pendapatan semata-mata, malah industri hiliran perlu dilaksanakan untuk mempertingkatkan kuasa beli golongan ini.

Literasi kewangan petani, peladang dan pekebun kecil juga perlu ditekankan dalam agenda reformasi agar golongan ini mempunyai daya saing serta bijak menguruskan sumber pendapatan sebaik mungkin.

Tanah pertanian terbiar perlu dibangunkan dengan pelbagai komoditi mengikut kesesuaian tanaman. Banyak tanah pertanian terbiar berpotensi dibangunkan, sekali gus dapat menampung pengeluaran makanan negara.

Sumber dana perlu diperuntukkan sebagai modal pusingan termasuk menarik minat golongan belia. Sokongan berterusan daripada agensi berkaitan diperlukan untuk melancarkan pelaksanaan program ini.

Pada masa sama, kerjasama antara agensi pertanian dengan institusi pendidikan boleh dipertingkatkan dalam membangunkan tanah pertanian.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH